

# Sambutuan Awal Tahun 1442 Hijrah terus disemarakkan



REKTOR Universiti Islam Sultan Sharif Ali (kiri) menyampaikan Anugerah Dekan Sesi Pengajian 2019 / 2020 kepada salah seorang pelajar.

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Sabtu, 22 Ogos. - Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) melalui Bahagian Hal Ehwal Pelajar mengadakan Majlis Sambutan Awal Tahun 1442 Hijrah dan disejajarkan dengan penyampaian Anugerah Dekan Sesi Pengajian 2019 / 2020 yang berlangsung di Dewan Auditorium, UNISSA.

Hadir selaku tetamu kehormat ialah Rektor UNISSA, Dr. Haji Norarfan bin Haji Zainal. Juga hadir ialah pegawai-pegawai utama, tenaga akademik, pegawai dan kakitangan serta mahasiswa dan mahasiswi UNISSA.

Sambutuan tersebut turut disemarakkan dengan Forum Khas yang bertemakan

'Generasi Berilmu, Beramal, Berakhlak Memacu Pembangunan Umat'. Ahli panel yang terlibat ialah pelajar Tahun 2, Fakulti Syariah dan Undang-Undang, Awang Muhammad Husny Bahry bin Haji Awang Yusof dan pelajar Tahun 3, Pusat Penyelidikan Halalan Thayyiban, Muhammad Masnursyafiq Hisyam bin Abdullah Masri. Pelajar Tahun 2, Fakulti Usuluddin, Abdul Rahim bin Haji Mohd. Arsat pula selaku moderator.

Antara inti pati yang dapat diambil daripada forum berkenaan adalah pelajar merupakan generasi pelapis yang memerlukan bimbingan dan didikan daripada generasi pelopor yang terdiri daripada para pensyarah.

Oleh itu, pembangunan sesuatu ummah tidak akan tercapai selagi mana generasi pelajar tidak mengambil ilmu yang disampaikan.

Kehidupan selaku pelajar perlu menerokai bidang ilmu

dan berusaha meningkatkan kemajuan diri agar matlamat hidup ke arah kesempurnaan akan tercapai. Ilmu, amal dan akhlak adalah tiga asas penting dalam memacu pembangunan umat, tidak dapat dipisahkan kerana setiap daripadanya saling memerlukan.

Tujuan majlis tersebut diadakan adalah bagi memperingati peristiwa agung penghijrahan Baginda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam dari Kota Mekah Al-Mukarramah ke Kota Madinah Al-Munawwarah, di samping memberikan motivasi kepada pelajar agar terus aktif dalam pembelajaran.

Seramai 93 pelajar UNISSA menerima Anugerah Dekan Sesi Pengajian 2019 / 2020. Penyampaian sijil dan cenderahati kepada penyampai forum disempurnakan oleh tetamu kehormat majlis dan disusuli dengan penyampaian Anugerah Dekan Sesi Pengajian 2019 / 2020 kepada para pelajar.



SAMBUTAN tersebut disemarakkan dengan Forum Khas yang bertemakan 'Generasi Berilmu, Beramal, Berakhlak Memacu Pembangunan Umat'.

## COVID-19 : 635 jalani pengasingan diri mandatori

Siaran Akhbar dan Infografik : Kementerian Kesihatan

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Sabtu, 22 Ogos. - Negara Brunei Darussalam tidak mencatatkan kes baharu jangkitan COVID-19 hari ini menjadikan jumlah keseluruhan kes penyakit tersebut masih kekal seramai 143 orang dan satu kes masih aktif, manakala jumlah yang sembuh seramai 139 orang.

Menurut siaran akhbar yang dikeluarkan oleh Kementerian Kesihatan mengenai Situasi Terkini Jangkitan COVID-19 di Negara Brunei Darussalam, seramai 635 orang masih menjalani pengasingan diri mandatori dan jumlah keseluruhan mereka yang menamatkan

pengasingan diri mandatori sejak bulan Mac 2020 pula adalah seramai 4,567 orang.

Dalam tempoh 24 jam lalu, jumlah ujian SARS-CoV-2 yang dijalankan adalah sebanyak 206 sampel, manakala jumlah keseluruhan ujian makmal SARS-CoV-2 sejak bulan Januari 2020 adalah sebanyak 49,159 ujian.

Untuk maklumat lanjut dan perkembangan terkini, orang ramai boleh melayari Laman Sesawang Kementerian Kesihatan di [www.moh.gov.bn](http://www.moh.gov.bn) atau hubungi Talian Nasihat Kesihatan 148 atau melalui aplikasi [healthinfo.gov.bn](http://healthinfo.gov.bn).

### Ringkasan Kes

Kes Baru Hari Ini	Jumlah Keseluruhan Kes		
	0	143	
Kes Aktif		Kematian	Sembuh
1	3	139	

### Ringkasan Pengasingan Diri

Jumlah yang sedang menjalani Pengasingan Diri Mandatori	Jumlah yang telah menamatkan Pengasingan Diri Mandatori (sejak Mac 2020)
635	4,567

### Ringkasan Ujian Virus SARS-CoV-2

Jumlah Ujian yang dilaksanakan dalam tempoh 24 jam	Jumlah keseluruhan ujian makmal dijalankan (sejak Januari 2020)
206 sampel	49,159 ujian

## Gegaran Gempa Bumi Katabu, Indonesia dirasakan di ibu negara

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Sabtu, 22 Ogos. - Jabatan Kerja Raya (JKR) mengesahkan kejadian Gempa Bumi yang kuat telah berlaku di Katabu, Indonesia (Lautan Flores), iaitu 1,596km dari Bandar Seri Begawan pada 12.09:53 tengah hari waktu tempatan, Jumaat, 21 Ogos 2020 dengan kekuatan magnitud 6.6 Mwpk pada kedalaman 650km.

Gelombang seismik Gempa Bumi tersebut mula dikesan oleh Stesen Seismik Jabatan Kerja Raya (JKR) pada jam 12.12 tengah hari.

Berikutan dengan kejadian Gempa Bumi tersebut, kejadian gegaran telah dilaporkan melalui panggilan kecemasan oleh penghuni-penghuni Bangunan Design and Technology di Kampung Anggerek Desa,

**Siaran Akhbar : Pusat Pengurusan Bencana Kebangsaan, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri dan Jabatan Kerja Raya, Kementerian Pembangunan**

Berakas pada 12.43 tengah hari dan RB Plaza pada jam 1.28 petang serta gegaran turut dirasakan di Kampung Bolkiah di Kampong Ayer, Bandar Seri Begawan.

Sejurus menerima panggilan, Jabatan Bomba dan Penyelamat (JBP) bertindak dengan membantu kakitangan keselamatan mengaktifkan pelan kecemasan dan prosedur evakuasi bagi mengosongkan bangunan-bangunan tersebut.

Seramai 30 orang yang berada di Bangunan Design and Technology dan seramai 137 orang di Bangunan

RB Plaza mengosongkan bangunan-bangunan berkenaan.

Berikutan dengan itu, JBP dan JKR membuat pemeriksaan struktur dan tahap keselamatan bagi bangunan-bangunan tersebut di mana telah mengesahkan bangunan-bangunan tersebut berada dalam keadaan selamat dan penghuni-penghuni bangunan dibenarkan masuk semula ke dalam bangunan-bangunan tersebut pada jam 4.15 petang.

Tidak ada laporan kemalangan jiwa dan kecederaan dilaporkan semasa kejadian ini berlaku di tempat-tempat tersebut.